

# UMS hab pendidikan industri minyak dan gas Timor-Leste

NST 2-4-2014 2

**KOTA KINABALU:** Perjanjian persefahaman antara Universiti Malaysia Sabah dan Republik Demokratik Timor-Leste dalam bidang minyak dan gas memberikan suatu penghargaan dan pengiktirafan sebuah kerajaan terhadap keupayaan UMS dalam industri ini.

Menerusi perjanjian ini, UMS akan membekalkan kepakaran menerusi Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) dengan menyediakan pengajian berasaskan minyak dan industri.

Kerjasama yang dijalin bakal menjadikan UMS sebagai hab pendidikan minyak dan gas bagi Republik Demokratik Timor-Leste dan dalam hal ini ia mampu memanfaatkan kedua-dua belah pihak.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, kerjasama antara kedua-dua pihak menambah erat hubungan sedia ada yang dimulakan lewat tahun 2012 menerusi kunjungan hormat pada hujung Januari 2014 lalu.

"UMS akan bekerjasama dan membantu kerajaan Timor-Leste dalam banyak bidang yang akan memberikan keuntungan dan manfaat bagi kedua-dua belah pihak," beliau bercakap ketika sidang media yang berlangsung di Bangunan Canselori, UMS minggu lalu.

"UMS akan menawarkan kursus berasaskan minyak dan gas untuk pelajar-pelajar dari Timor-Leste mengikuti pengajian di sini dan sesi pengambilan pertama pada tahun 2014 ialah seramai 30 pelajar."

Jelasnya lagi, bagi mengikuti pen-



SIDANG AKHBAR... Dr Mohd Harun (kiri) semasa sidang akhbar baru-baru ini

gajian yang ditawarkan oleh UMS, para pelajar perlu mengikut prosedur pengambilan yang telah ditetapkan dan pemilihan pelajar haruslah memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan universiti.

Dalam pada itu, Dekan SKTM, Prof. Dr. Rosalam Sarbatly berkata, program yang ditawarkan ini meliputi diploma, ijazah dan ijazah sarjana dengan sesi pengambilan pelajar ialah pada September 2014.

"SKTM menerima pelajar pertama program Ijazah Sarjana Kejuruteraan dalam bidang minyak dan gas pada tahun 2011 dengan mod pengajian secara kerja

kursus," kata beliau ketika dihubungi Media Canselori, UMS.

"Seterusnya, sebanyak 10 program diploma turut ditawarkan bagi menyediakan keperluan tenaga mahir dalam bidang ini, seterusnya mengisi keperluan sebanyak 16 ribu kekosongan dalam bidang minyak dan gas di seluruh Malaysia."

Tambah beliau lagi, menerusi kerjasama dengan Timor-Leste, kepakaran sedia ada di UMS akan ditawarkan bagi melatih, membangun dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja Timor-Leste pada tahun-tahun yang akan datang.